# Ribut petir: Orang ramai perlu sentiasa peka situasi cuaca - MetMalaysia

Rahimah Abdullah
Februari 23, 2022

**KUALA LUMPUR :** Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengingatkan orang ramai agar sentiasa peka dengan situasi cuaca bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku ketika ribut petir.

Timbalan Ketua Pengarah (Strategik dan Teknikal) MetMalaysia, Mohd Hisham Mohd Anip berkata, orang ramai perlu memastikan mereka mencari kawasan perlindungan dan mengelak berada di kawasan terbuka serta lokasi berisiko disambar petir.

"Berkenaan dengan ribut petir ini, pastikan kita berselindunglah, dalam kes semalam (kes gondola dipukul ribut), maknanya saya pasti mereka kurang cakna dengan situasi cuaca.

"Jadi kita kena lebih cakna, berhati-hati. Apabila ada awan tebal dan bunyi guruh, cari perlindungan. Duduk dalam bangunan dan jangan duduk di kawasan terbuka sebab nanti mudah disambar petir. Elakkan berada di pokok-pokok atau bangunan tidak kukuh," katanya kepada *Astro AWANI* pada Rabu.

"Berkenaan dengan ribut petir ini, pastikan kita berselindunglah, dalam kes semalam (kes gondola dipukul ribut), maknanya saya pasti mereka kurang cakna dengan situasi cuaca.

"Jadi kita kena lebih cakna, berhati-hati. Apabila ada awan tebal dan bunyi guruh, cari perlindungan. Duduk dalam bangunan dan jangan duduk di kawasan terbuka sebab nanti mudah disambar petir. Elakkan berada di pokok-pokok atau bangunan tidak kukuh," katanya kepada *Astro AWANI* pada Rabu.



Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengingatkan orang ramai agar sentiasa peka dengan situasi cuaca bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku ketika ribut petir. - Gambar fail